

Perutusan YAB Perdana Menteri



Pembangunan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdaya saing dan berdaya tahan merupakan komponen utama strategi pertumbuhan ekonomi Kerajaan. Memandangkan sektor PKS merupakan 99.2% daripada jumlah pertumbuhan perniagaan dan memberikan pekerjaan kepada lebih daripada 5.6 juta orang pekerja, penggalakan keusahawanan dan PKS merupakan teras penting untuk menyokong matlamat Kerajaan mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang dan taraf hidup yang lebih tinggi untuk semua lapisan masyarakat.

Sektor PKS menyumbang sebanyak 32% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar dan sebanyak 19% daripada jumlah nilai eksport negara. Saya percaya, peluang memang terbuka luas untuk meningkatkan sumbangan PKS dalam ekonomi domestik memandangkan bilangan PKS yang besar di negara ini. Dalam hal ini, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan telah menetapkan beberapa sasaran prestasi untuk pembangunan PKS. Sasaran ini adalah untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK hingga 37% dan bahagiannya daripada jumlah eksport hingga 22%, dan memberikan peluang pekerjaan kepada lebih daripada 6.2 juta orang pekerja menjelang tahun 2010. Oleh itu, program dan inisiatif Kerajaan bagi pembangunan PKS akan memberikan tumpuan pada pencapaian sasaran ini.

Rancangan Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga menggariskan strategi utama untuk menggalakkan pembangunan PKS, khususnya dalam bidang pembangunan keupayaan insan dan infrastruktur yang diperlukan yang akan menyokong pertumbuhan PKS yang berprestasi tinggi dan juga mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Bagi merealisasikan strategi ini agar membuahkan hasil yang berkesan, Majlis telah mewujudkan Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan, iaitu rancangan tindakan tahunan yang terkandung pernyataan jelas hasrat strategik Kerajaan dan senarai program utama berserta hasil yang diharapkan, yang bakal dilaksanakan untuk menggalakkan pembangunan PKS pada sesuatu tahun tertentu. Rangka Tindakan itu bertindak sebagai platform yang diselaraskan untuk membantu Kementerian dan Agensi melaksanakan program yang komprehensif untuk membangunkan PKS secara holistik. Dengan memantau dan mengesan keberkesanan program ini secara aktif dalam mencapai sasaran yang ditetapkan, saya menjangkakan peningkatan yang ketara dalam penyampaian dan impak program tersebut untuk manfaat PKS.

Pada tahun 2006, sejumlah 213 program utama telah dilaksanakan dengan perbelanjaan sebanyak RM7.8 bilion. Tumpuan utama program ini ialah mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan PKS, khususnya dalam bidang pembangunan keusahawanan, pemasaran dan promosi, pembangunan produk dan peningkatan teknologi. Sehingga kini, pelaksanaan program ini telah memanfaatkan lebih daripada 287,000 PKS.

Usaha untuk memperkukuh PKS kini sedang diperhebat dengan program yang lebih fokus dan khusus pada tahun 2007. Sejumlah 189 program sedang dilaksanakan dengan komitmen kewangan sebanyak RM3.7 bilion pada tahun 2007. Program ini akan memberikan tumpuan pada pembinaan kapasiti dan keupayaan, pembangunan modal insan, dan pemasaran dan promosi. Program khusus juga akan diperkenalkan untuk memperkukuh penghubungan antara PKS, syarikat tempatan yang besar dan syarikat multinasional. Pada pandangan saya, penghubungan ini turut memberi PKS sesuatu yang amat berguna bagi membangunkan keupayaan teknikal, daya saing dan inovatif yang teguh di samping kemahiran pengurusan dan perniagaan.

Di samping itu, Kerajaan akan terus membangunkan infrastruktur yang menyokong perkembangan keusahawanan dan perniagaan kecil. Dalam hal ini, premis perniagaan, kilang dan bengkel akan disediakan untuk PKS di kawasan luar bandar. Pusat-pusat pembungkusan produk, pengagihan dan pemasaran juga akan dibina untuk memastikan pengagihan produk pertanian dan asas tani PKS dengan cekap dan berkesan.

Tumpuan khusus juga akan diberikan pada usaha mempertingkatkan keupayaan produk dan perkhidmatan PKS kita untuk menembusi pasaran global. Sehubungan dengan itu, Majlis telah menyokong pelaksanaan 14 strategi dan program yang komprehensif, yang akan membantu dalam bina upaya, promosi, pengurusan maklumat dan penyediaan sokongan kewangan untuk memudahkan PKS memasarkan produk dan perkhidmatan mereka di luar negeri.

Peningkatan akses kepada pembiayaan bagi PKS sesungguhnya merupakan teras strategik yang utama dalam menggalakkan pembangunan PKS. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk mengukuhkan penyedia kewangan dan memperluas saluran pembiayaan untuk memastikan PKS mendapat pembiayaan yang diperlukan pada pelbagai peringkat kitaran perniagaan mereka. Memandangkan 80% daripada PKS di negara ini terdiri daripada perusahaan mikro, Majlis telah meluluskan rangka kerja keinstitutionian yang komprehensif untuk menggalakkan institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan menawarkan pembiayaan mikro yang cepat, fleksibel dan mudah kepada individu dan perusahaan perniagaan.

Bagi memenuhi keperluan pembiayaan perniagaan permulaan dan syarikat dalam sektor strategik seperti pertanian, bioteknologi dan ICT, peruntukan tabung-tabung modal usaha niaga telah pun ditambah. Dengan itu, jumlah dana yang tersedia bagi pelaburan modal usaha niaga meningkat 27.8% kepada RM3.3 bilion pada tahun 2006 berbanding dengan RM2.6 bilion pada tahun 2005.

Sehingga kini, inisiatif untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS telah membuahkan hasil yang menggalakkan. Pada tahun 2006, institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan telah meluluskan pinjaman sebanyak RM46.5 bilion, kepada lebih daripada 102,000 akaun PKS. Pada tahun 2007 ini, institusi kewangan tersebut dijangka meluluskan pinjaman sebanyak RM51 bilion kepada kira-kira 110,000 akaun PKS. Selain itu, lebih daripada 37,000 pinjaman di bawah pelbagai skim Kerajaan juga dijangka diluluskan.

Dalam melangkah ke hadapan, industri yang mengusahakan produk dan perkhidmatan Halal, Pemfrancaisan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah dikenal pasti sebagai sumber baru kekayaan ekonomi. Dalam usaha menyokong langkah ini, Kerajaan telah mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh, infrastruktur fizikal yang perlu serta insentif untuk menggalakkan PKS menyertai bidang-bidang tersebut.

Kerajaan pula akan terus membantu dengan mewujudkan persekitaran perniagaan yang sesuai bagi memastikan PKS membangun sehingga ke tahap potensi maksimumnya sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Saya berpandangan bahawa globalisasi dan liberalisasi perdagangan membawa bersamanya persaingan yang lebih mencabar dan juga peluang-peluang yang lebih besar. Bagi meraih manfaat, amat penting bagi PKS untuk berusaha dengan lebih gigih agar dapat bersaing dengan peserta global lain yang menawarkan produk dan perkhidmatan bermutu tinggi pada harga yang kompetitif. Oleh itu, adalah menjadi harapan saya supaya PKS menggunakan sepenuhnya program dan insentif yang ditawarkan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka melalui pembangunan produk, pengayaan ilmu pengetahuan dan pemerolehan teknologi yang berterusan.



DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI

Perdana Menteri Malaysia

13 September 2007